

**TEKS UCAPAN**  
**Y.BHG. PROF. DATO' DR. MUSA AHMAD**  
**NAIB CANSELOR USIM**

**SEMPENA MAJLIS PENGISYIHKARAN PELAN STRATEGIK USIM**

**21 JANUARI 2016 (KHAMIS)•3.30 PETANG• GALERI CANSELORI USIM**

---

Terima kasih Saudara Pengacara Majlis

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum wa Rahmatullahi wa Barakatuh, Salam Sejahtera, Salam satu Malaysia dan Salam Integrasi Naqli dan Aqli.

1. Alhamdulillah, segala puji dan syukur dipanjatkan kehadrat Allah S.W.T, kerana dengan limpah kurnia dan inayahNya maka dapat kita bersama-sama berkumpul dalam Majlis Pengisytiharan Pelan Strategik USIM bagi meraikan kejayaan menerbitkan Brosur Pelan Strategik USIM 2016-2025.
  
2. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada Y.Bhg Prof. Dr. Abdul Rahim Abdul Rahman, Pengarah Pusat Perancangan Korporat dan Pengurusan Kualiti (PPKPK) serta seluruh staf PPKPK di atas komitmen dan usaha yang baik dalam menerbitkan brosur ini serta menganjurkan majlis yang amat bermakna pada petang hari ini.

Hadirin Hadirat Sekalian,

3. Penghargaan yang tidak terhingga dizahirkan kepada seluruh warga USIM yang telah memberikan komitmen yang begitu tinggi bagi menerbitkan pelan strategik USIM 2016-2025. Sesungguhnya penerbitan ini merupakan tanda sokongan yang padu warga USIM bagi merealisasikan hasrat USIM untuk menjadi Pusat Rujukan Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli di peringkat serantau menjelang tahun 2016 dan di peringkat global menjelang tahun 2025.
4. USIM bertekad untuk menjadi sebuah institusi ilmu yang berteraskan Pengajian Islam di samping pada masa yang sama, menjadi peneraju ilmu-ilmu baru dengan penggunaan teknologi terkini agar dapat menghasilkan inovasi yang memberi manfaat kepada negara, ummah dan manusia sejagat. Sejajar dengan bidang bitara USIM iaitu Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli, USIM mensasarkan lima(5) objektif utama iaitu:
  - a. Memartabatkan pendidikan Islam serta mendukungnya ke dalam arus perdana pendidikan negara.
  - b. Membina kesepaduan antara teori dan amali dalam diri setiap siswazah yang dilahirkan.
  - c. Melahirkan ilmuan Islam yang berpendidikan sepadu, mampu memimpin masyarakat majmuk serta mempunyai potensi yang tinggi dalam meneraju pembangunan negara.
  - d. Meneroka dan mengembalikan tradisi keilmuan Islam yang unggul bersesuaian dengan persekitaran dan teknologi terkini.

- e. Membekalkan modal insan yang kukuh dalam penghayatan nilai Islam yang mampu berinteraksi dan berkomunikasi dengan berkesan dalam masyarakat.
- 5. Konsep integrasi Ilmu Naqli dan Aqli merupakan agenda utama USIM sejak awal penubuhannya bagi memastikan kecemerlangan yang seimbang di antara Ilmu duniawi dan ilmu ukhrawi. Proses pembangunan integrasi Ilmu Naqli dan Aqli dilaksanakan secara berfasa-fasa bermula daripada Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) dan ditambahbaik setiap tahun.
- 6. Bagi menyemarakkan lagi agenda Integrasi Naqli dan Aqli serta dalam usaha menjadikan USIM dirujuk, sebanyak 7 teras, 19 strategi, 44 pelan tindakan dan 44 USIM 2016 meliputi aspek penyelidikan, akademik, pembangunan pelajar, pemerkasaan sumber manusia, penjenamaan (*branding*), prasarana dan penjanaan kewangan telah dipersetujui dalam Bengkel Pelan Strategik dan Integrasi Ilmu Naqli-Aqli (Akhir Tahun) USIM Tahun 2015 yang diadakan pada 3-6 Disember 2015 di Hotel Grand BlueWave, Shah Alam.
- 7. Tujuh(7) Teras yang telah kita gariskan iaitu:

**Teras 1:** Pembelajaran & Pengajaran Berteraskan Ilmu Naqli & Aqli

**Teras 2:** Penyelidikan & Inovasi Yang Relevan Kepada Industri Dan Kesejahteraan Ummah

**Teras 3 :** Graduan Yang Holistik, Berciri Keusahawanan Dan Seimbang Melalui Integrasi Ilmu Naqli & Aqli

**Teras 4:** Governan & Pembangunan Modal Insan Yang Boleh Menarik Dan Mengelakkan Bakat Terbaik Bersifat Global, Multi Bahasa Dan Seimbang

**Teras 5:** Kemudahan Fizikal & Prasarana Yang Kondusif Bagi Pembelajaran Dan Penyelidikan

**Teras 6 :** Kemampunan Kewangan

**Teras 7 :Penjenamaan Dan Pemposisian Yang Konsisten Dan Efektif**

Kita amat berharap 7 Teras yang digariskan dapat dilaksanakan dengan jayanya bagi menggapai hasrat USIM untuk menjadi Pusat Rujukan Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli di peringkat serantau menjelang tahun 2016 dan di peringkat global menjelang tahun 2025.

8. Suka juga untuk saya ingatkan bahawa objektif Pelan Strategik USIM juga adalah untuk menyokong pembangunan pendidikan tinggi di Malaysia di mana pelan strategic USIM menyokong sepenuhnya agenda kementerian yang berhasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai hub pengajian tinggi yang terunggul melalui Pelan Pembangunan Pendidikan (Pendidikan Tinggi ) 2015-2025 yang mempunyai 10 lonjakan meliputi graduan holistik, berciri keusahawan dan seimbang, kecemerlangan bakat, pembelajaran sepanjang hayat (Life Long Learning), pemampanan kewangan, pemantapan tadbir urus, ekosistem inovasi, graduan TVET berkualiti, keunggulan global, pembelajaran dalam talian tahap global dan transformasi penyampaian pendidikan tinggi.

9. Kita juga perlu memberikan fokus kepada Amanat YB Menteri Pendidikan Tinggi dalam Amanat Tahun Baharu 2016 pada 18 Januari 2016 yang telah menekankan aspek-aspek berikut:

i. Pentaksiran & Pelaporan Bersepadu iCGPA.

YB Menteri menyeru kesemua universiti untuk melakukan transformasi reka bentuk kurikulum agar lebih komprehensif dan relevan, serta bersedia untuk memenuhi keperluan iCGPA.

ii. iCGPA: Kesukarelawanan

Salah satu domain yang akan dinilai dibawah iCGPA adalah kesukarelawanan. Kesukarelawanan memberi peluang kepada pelajar untuk menyumbang kepada masyarakat dan meningkatkan kualiti kehidupan Rakyat. Sekiranya kesemua 1.2 juta pelajar IPT menyertai aktiviti kesukarelawanan, bayangkan manfaat yang boleh diperolehi masyarakat.

iii. Penawaran Program Fleksibel: 2U2i

2u2i merupakan program Work Based Learning (belajar sambil bekerja) di mana pelajar akan belajar selama dua tahun di university dan dua tahun menimba pengalaman industri.

iv. Penawaran Program Fleksibel:

Pendidikan fleksibel yang ditekankan adalah:

- Bersifat antara-bidang (*interdisciplinary*);
- Bersifat antara-universiti & pelbagai-IPT (*interuniversity*);

- Bersifat tempatan dan juga antarabangsa (*localised yet globalised*);
- Membenarkan mobiliti pelajar dan pendidik; dan
- Memberi fokus kepada kerjasama inovasi yang membawa kepada pengkomersialan idea (*commercialisation of Ideas*)

10. Islam juga menyarankan untuk

## PENUTUP

Akhir kata, saya berharap amat berharap usaha penerbitan Brosur Pelan Strategik ini dapat memberikan lebih kefahaman kepada seluruh warga USIM amnya dan Ketua PTj khususnya dalam misi kita mencapai USIM '16 dan USIM '25. Keduanya, setiap warga pelaksana Pelan Strategik tahu akan pelan keseluruhan, dan apa peranan yang dimainkan oleh setiap warga; ketiganya, kita mempunyai pelaksana yang kompeten, yang mempunyai kemahuan untuk menyumbang atas dasar kepentingan dan manfaat kepada USIM dan negara; dan akhir sekali, iltizam dan keterbukaan setiap pelaksana untuk menilai, secara berterusan, kesan dan impak daripada tindakan-tindakan yang dilaksanakan, dan seterusnya, membuat penambahbaikan jika perlu ke arah kejayaan Pelan Strategik yang telah digariskan.

Saya juga berharap agar pelan ini mampu membimbing USIM ke arah menjadi universiti yang *referred* (dirujuk), *relevant* (relevan) dan *respect* (dihormati). Marilah kita bersama-sama berdoa kepada Allah S.W.T agar segala perancangan dan pelaksanaan dapat direalisasikan.

Maka dengan kata-kata itu, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya mengisyiharkan Pelan Strategik USIM 2016-2025.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh